

08 JAN 2002

Samsudin-Peruntukan

SAYA AKAN KENAL PASTI PUNCA MASALAH, KATA SAMSUDIN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman berkata beliau akan mengenal pasti masalah yang menyebabkan kementerian-kementerian tidak dapat membelanjakan peruntukan pembangunan RM3.8 bilion bagi tahun lepas.

"Jika saya beritahu sekarang, ia bermakna saya membuat spekulasi dan tidaklah adil bagi saya untuk berbuat demikian," kata beliau kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Tinta Kencana 2001 di sini hari ini.

Banyak pembaikan perlu dibuat setiap tahun kerana ia membabitkan jumlah wang yang besar, kata beliau ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa cuma 87 peratus daripada peruntukan pembangunan kerajaan berjumlah RM28.84 bilion bagi tahun lepas dibelanjakan.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata peruntukan itu tidak dapat digunakan kerana kesukaran untuk mengenal pasti projek dan prosedur birokrasi.

Perdana Menteri juga berkata terlalu banyak masa dihabiskan untuk melantik kontraktor dan mengadakan rundingan lain.

Ketika ditanya mengenai projek pembangunan yang terbabit, Samsudin berkata: "Terlalu banyak projek terbabit. Saya perlu menyemaknya".

Anugerah Tinta Kencana anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka diberikan kepada pemenang peraduan mengarang esei Bahasa Melayu bagi peringkat sekolah, maktab dan universiti perguruan, sektor kerajaan negeri, sektor badan berkanun, Angkatan Tentera Malaysia, sektor kerajaan pusat, Karya Kencana 2000 dan Anugerah Laporan Tahunan Terbaik.

Lembaga Hasil Dalam Negeri menerima Anugerah Laporan Tahunan Terbaik Badan Berkanun 2001 kerana mengamalkan penulisan bahasa Melayu yang terbaik dan berkesan dalam laporan tahunan.

Bagi Hadiah Karya Kencana 2000, tiada pemenang memenangi hadiah utama. Bagaimanapun, lapan rencana diputuskan layak menerima hadiah sagu hati.

-- BERNAMA

MUN AHH FAZ